

SEMPENA PEMBENTANGAN BAJET 2018

SARA HIDUP ISU UTAMA



**NOOR MOHAMAD
SHAKIL HAMEED**

SEBANYAK 13,837 idea dan cadangan yang diterima kerajaan sepanjang kempen #Bajet2018 berlangsung mulai 4 September hingga 18 September lalu menzahirkan harapan besar rakyat menjelang pembentangan Bajet 2018 yang dijadualkan pada Jumaat depan.

Menurut Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, berdasarkan idea dan cadangan itu antara aspek yang menjadi keutamaan rakyat adalah membabitkan pekerjaan, kos sara hidup, pendidikan, percukaian, perniagaan dan kewangan serta pengangkutan dan infrastruktur. Jelas rakyat mahu kerajaan memberi perhatian serius kepada beberapa perkara asas yang mencengkam kehidupan masyarakat secara keseluruhannya.

Secara umumnya ini adalah tahun yang cukup mencabar. Pelbagai peristiwa dan insiden suka duka yang berlaku merangkumi aspek ekonomi, sosial dan politik menyebabkan kerajaan terpaksa berfikir di luar kotak dan mengambil pelbagai tindakan kurang popular serta di luar kebiasaan agar dapat meneruskan keyakinan dan kepercayaan rakyat.

Misalnya, kegawatan ekonomi global yang meruncing menyebab-

kan nilai mata wang tidak begitu stabil, kenaikan harga barang pula menyebabkan kos sara hidup turut meningkat secara mendadak, bilangan peluang pekerjaan yang secara relatifnya masih sedikit pula menyebabkan jumlah penganggur semakin meningkat dan masalah perpaduan kaum dilihat terus menjadi duri dalam daging sehingga mencetuskan pelbagai ketegangan.

Justeru pembentangan Bajet 2018 dinantikan oleh seluruh lapisan masyarakat bagi melihat sejauh mana komitmen dan keazaman kerajaan dalam mela-kar inisiatif supaya terus menjamin kesejahteraan rakyat dan dapat mengurangkan beberapa masalah rakyat yang dilihat agak kritikal terutamanya membabitkan peningkatan beban kewangan yang seterusnya akan menentukan kemampuan sama ada kerajaan dapat terus menarik sokongan dan keyakinan rakyat atau sebaliknya.

Antara isu yang cukup sensitif dan menuntut campur tangan kerajaan secara efektif adalah peningkatan kos sara hidup. Peningkatan dilihat berlaku secara mendadak dan semakin sukar dikawal. Keadaan ini menunjukkan rakyat umpsama tersebut dalam kehidupan yang semakin mencabar.

Keadaan ekonomi yang tidak menentu menyebabkan nilai mata wang kita juga tidak stabil, ini akhirnya menyebabkan semua harga barang meningkat secara mendadak sekali gus mengurangkan nilai pegangan wang tunai dalam kalangan rakyat.

Penduduk bandar yang tergolong dalam kategori miskin bandar dan berpendapatan rendah dan sederhana misalnya walaupun suami dan isteri bekerja masih belum mampu menampung kos sara hidup seisi ke-

luarga yang merangkumi kos wajib seperti ansuran pinjaman perumahan ataupun sewa rumah, ansuran kereta, perbelanjaan persekolahan anak serta perbelanjaan makan dan minum sehari-hari.

Maka diharapkan kerajaan dapat tampil dengan perancangan jangka panjang dan penyelesaian yang lebih realistik supaya dapat mengatasi masalah runcing ini seterusnya mengurangkan beban kos sara hidup rakyat.

Dalam hal ini, di samping berharap ada penambahbaikan dalam pelbagai bantuan kewangan termasuk pengurangan dalam cukai pendapatan, kita juga berharap sebagai langkah jangka panjang kerajaan dapat terus mengawal peningkatan harga barang serta menambah bilangan peluang pekerjaan demi kelangsungan kehidupan rakyat kita.

Hakikatnya, keperluan golongan miskin dan sederhana bandar (B40 dan M40) perlu di-beri perhatian khusus dalam bajet kali ini kerana golongan ini cukup terkesan akibat kenaikan kos sara hidup walaupun mampu bekerja namun peningkatan kos sara hidup secara berlipat kali ganda melebihi kemampuan gaji yang diperoleh setiap bulan.

Dalam konteks ini, kerajaan perlu fokus ke arah memperkuatkukuhkan kelangsungan ekonomi negara dengan memberi penekanan kepada aspek inovatif ekonomi. Secara umumnya Bajet 2018 perlu menjaga kebijakan rakyat, maknanya kena menjaga kesejahteraan rakyat dalam perspektif yang betul iaitu membina kekuatan ekonomi negara kerana jika dilihat kepada cabaran semasa dikhawatir ekonomi kita tidak mampu berta-

han lama.

Sebagai contoh Korea Selatan dilihat berjaya membangunkan modal insan melalui inovatif ekonomi yang sekali gus membolehkan mereka mengatasi kita kerana inovatif ekonomi melahirkan modal insan yang kreatif dan sekarang kita dapat lihat bagaimana Korea Selatan menguasai pelbagai sektor di dunia.

Pada masa sama, kita juga berharap agar isu pemilikan rumah terus diberikan perhatian khusus dalam bajet kali ini. Rumah adalah keperluan asas namun kenaikan harga rumah terutamanya di kawasan bandar yang boleh dikatakan langsung tidak masuk akal menyebabkan majoriti penduduk miskin bandar ataupun golongan sederhana masih tidak mampu memiliki rumah sendiri.

Dalam hal ini, kita mahu kerajaan bertindak yang mana ketamakan pihak pemaju perumahan wajar ditangani secara serius. Di samping itu diharap lebih banyak perumahan mampu milik dapat disediakan di tanah milik kerajaan terutamanya di lokasi strategik berserta kemudahan pinjaman perumahan khusus untuk golongan miskin dan berpendapatan sederhana. Kita tidak mahu polemik rumah yang hanya mampu lihat terus berleluasa hingga rakyat tiada peluang untuk membeli rumah sendiri mengikut kemampuan isi rumah masing-masing.

Apapun perancangan kita, percayalah semuanya tidak akan membawa makna andai negara ini porak peranda, keselamatan dan kedaulatan tidak terjaga mahupun terancam, politik tidak stabil dan masyarakat hidup dalam ketakutan. Maka melalui bajet kali ini juga diharap kerajaan akan tampilkan inisiatif dan langkah-langkah yang diperlukan untuk terus memperkuatkukuh kestabilan politik serta memperkasakan tahap perpaduan nasional dan keharmonian kaum dalam kalangan pelbagai lapisan rakyat yang boleh bertindak sebagai benteng yang kukuh.

Semoga Bajet 2017 mampu menjadi bajet berjiwa rakyat dan boleh menjamin kesejahteraan rakyat secara keseluruhannya yang mencakna dan memenuhi keperluan, tuntutan dan harapan segenap lapisan rakyat yang semakin tersepit dan terhimpit untuk meneruskan kehidupan seharian.

**LEBIH BANYAK
PERUMAHAN MAMPU
NILIK PERLU DISEDIAKAN
PIHAK KERAJAAN
TERUTAMA DI LOKASI
STRATEGIK DI BANDAR.
- GAMBAR HIASAN/
UTUSAN**

